

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL (LEMBAH PANTAI)
TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

- a) kesediaan Kementerian untuk bergerak ke arah penggunaan kenderaan elektrik (EV) tanpa pelepasan pencemaran (*zero emission*); dan
- (b) perancangan untuk memberi insentif kepada pengguna kenderaan elektrik (EV) di bawah Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa menyokong langkah penggunaan sebarang jenis kenderaan berteknologi hijau yang dapat mengurangkan kadar pencemaran dan pelepasan karbon, termasuklah penggunaan kenderaan elektrik (EV). Penggunaan EV adalah selaras dengan Teras 4 Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 untuk menghijaukan sektor pengangkutan. Ia juga sejajar dengan komitmen negara dalam *Paris Agreement* iaitu untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon sebanyak 45% berbanding kadar pada tahun 2005.

Pada masa ini sektor pengangkutan darat menyumbang sekitar 30% pelepasan karbon di Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi menggalakkan penggunaan EV yang lebih meluas di Malaysia, pelbagai pihak perlu bekerjasama dalam mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi penggunaan EV antaranya termasuklah meningkatkan penyediaan infrastruktur *charging station*; pembangunan standard bagi alat pengecas, teknologi *battery swapping* serta kitar semula bateri; penetapan harga kenderaan yang kompetitif dan sebagainya. Selain itu, inisiatif berkaitan kenderaan cekap tenaga termasuk EV juga ada digariskan dalam National Automotive Policy 2020.

Selain itu, pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah menyediakan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB) melalui agensinya, Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC). Dokumen ini telah siap dibangunkan dan sedang dimuktamadkan untuk dilancarkan pada tahun ini bagi tujuan pelaksanaan.

LCMB menasarkankan pengurangan penggunaan tenaga dan pelepasan gas rumah kaca melalui penggunaan mobiliti elektrik yang merangkumi penggunaan kereta elektrik, bas elektrik dan motosikal elektrik, perluasan penyediaan infrastruktur sistem pengecas kenderaan elektrik serta pendekatan-pendekatan pengangkutan rendah karbon yang lain.

Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga telah memperkenalkan pengurangan sebanyak 50% Lesen Kenderaan Motor (Cukai Jalan) bagi kenderaan elektrik. Sebarang cadangan mewujudkan insentif lain berkaitan EV akan dibincangkan secara bersama dengan Kementerian lain yang terlibat seperti Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Sekian, terima kasih.